



4th Issue **VOLUME 2 : NOVEMBER 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 2 | November 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 43** Congratulations!
- 72** Thank You
- 73** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri
Mrs. Nur Nadia Qausar Juhari

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 November 2025

NEWS AND ARTICLES

Lawatan Peningkatan Kerjaya Pelajar BA111 dan BA119 ke CENTEXS Mukah

Penulis: Dayang Hummida Abang Abdul Rahman, Siti Faridah Kamaruddin, Dr. Yusman Yacob, dan Amira Hazwani Anuar

Menjadi satu tradisi tahunan bagi Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah untuk mengadakan lawatan peningkatan kerjaya ke CENTEXS Mukah. Program ini adalah kesinambungan daripada Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah dimeterai oleh UiTM Cawangan Sarawak bersama CENTEXS Sarawak, yang mana pelbagai bentuk kerjasama dan aktiviti bersama telah dirancang serta dijalankan dari semasa ke semasa. Lawatan yang telah dijalankan pada 14 Jun 2025 ini merupakan persediaan awal para pelajar Semester 4 dan 5 dari Program BA111 dan BA119 untuk menjalankan kursus jangka pendek. Kursus yang bakal diikuti adalah *Foundation Certificate of Digital Marketing* yang akan dijalankan pada cuti semester bulan Ogos sehingga September 2025.



Lawatan ini telah disertai seramai 134 orang pelajar dan 4 orang pegawai pengiring yang diketuai oleh Koordinator Program iaitu Dr. Yusman Yacob. Di CENTEXS, para pelajar telah diberikan taklimat khusus berkenaan program-program yang ditawarkan oleh CENTEXS Sarawak. Pelbagai ilmu yang bermafaat dapat dipelajari dari lawatan ini yang mana para pelajar telah didedahkan akan kebaikan dan kelebihan yang bakal mereka perolehi dari mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan oleh CENTEXS.



Selesai taklimat, para pelajar telah diberi peluang untuk melawat ke reruai pelajar CENTEXS yang sedang mengikuti Kursus Kulinari. Pelajar dapat merasa pengalaman bagaimana sesuatu makanan itu disediakan dengan menggunakan produk asli Sarawak seperti *brownies* yang diperbuat dari sayur terung asam dan mee kuning yang diperbuat dari sagu.

Lawatan berakhir pada jam 12.00 tengahari dengan sesi bergambar beramai-ramai antara para peserta, pegawai pengiring dan wakil CENTEXS Mukah.



Telephone/Fax
084-876100/084-876300



Email Address
korporat_swk@uitm.edu.my



Website
<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address
**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

eISSN 2976-257X



9 7 7 2 9 7 6 2 5 7 0 0 9